

17.02 juta rakyat Malaysia sudah dibanci

KUALA NERUS: Seramai 17.02 juta daripada 32.7 rakyat Malaysia sudah dibanci menerusi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) setakat semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata menerusi Banci 2020 pihaknya yakin ia dapat diselesaikan akhir Jun ini berikutan kadar pembancian sudah mencapai 52.1 peratus.

Beliau berkata, tujuh negeri merekodkan bancian tertinggi melebihi 60 peratus iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya sebanyak 101.1 peratus, diikuti Johor (73.5 peratus), Perlis (72.5 peratus), Kelantan (70.6 peratus), Melaka (66.2 peratus), Perak (65.9 peratus) dan Terengganu (61.2 peratus).

"Negeri lain ialah Negeri Sembilan (57.6 peratus), Pulau Pinang (55.7 peratus), Selangor (51 peratus), Kedah (48.1 peratus). Wilayah Persekutuan Labuan (40.9 peratus), Pahang (40 peratus), Kuala Lumpur (39.6 peratus), Sarawak (37.9 peratus) dan Sabah (26.9 peratus).

"Kita harap semua penduduk dapat memberi maklum balas dan kerjasama yang baik kepada Jabatan Perangkaan Malaysia sama ada banci melalui kaedah secara bersemuka atau atas talian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas hadir ke Program Turun Padang Pesuruhjaya Banci 2020 bersama Media di Kampung Seberang Takir, di sini, hari ini.

Sementara itu, Mohd Uzir yang juga Pesuruhjaya Banci 2020

berkata, Banci 2020 di Terengganu dijangka selesai dalam tempoh 15 hari lebih awal, berbanding tarikh akhir banci penduduk iaitu 30 Jun apabila seramai 770,000 orang daripada 1.26 juta penduduk di negeri itu sudah dibanci sehingga semalam.

"Insya-Allah sempat (siap)... kita melantik 300 pembanci dengan setiap mereka perlu siapkan bilangan ditetapkan dan berdasarkan perkiraan serta tempoh yang ada kita perlu banci hampir 600,000 penduduk lagi.

"Berdasarkan rekod, penduduk di daerah Setiu merekodkan maklum balas paling tinggi iaitu 98.59 peratus, diikuti Besut (78.65 peratus), Marang (78.1 peratus), Hulu Terengganu (71.82 peratus dan Kuala Nerus (71.1 peratus)," katanya.

<https://bit.ly/3eFq7J3>